

PEKELILING CRIM BIL 8/2016

Dekan/Pengarah

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Laman Web: <http://research.ukm.my>

- Institut Telinga, Pendengaran & Pertuturan (HEARS)
- Pusat Citra Universiti (CITRA)
- Pusat PERMATApintar Negara
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof.,

KEMUDAHAN KEPADA PENYELIDIK PASCA DOKTORAL

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil 3/2016 pada 15 April 2016 telah bersetuju membincangkan semula kelayakan kemudahan kepada Penyelidik Pasca Doktoral yang dilantik di UKM.

2. Hasil perbincangan tersebut, berikut adalah keputusan yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan di UKM iaitu :

- (i) Cuti rehat selama 25 hari setahun;
- (ii) Cuti sakit tidak melebihi 15 hari setahun;
- (iii) Kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di :
 - Pusat Kesihatan Universiti bagi kakitangan Kampus Bangi, Kampus Cheras dan Kuala Lumpur; dan
 - Klinik Warga Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM bagi kakitangan Kampus Cheras dan Kuala Lumpur;
- (iv) Pembiayaan perubatan (rawatan pesakit luar) untuk diri sendiri sahaja secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM600.00 setahun;
- (v) Pembiayaan Visa/Pas Penggajian secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM360.00 (setiap tempoh lantikan);
- (vi) Tambang tiket kapal terbang kelas ekonomi pergi-balik untuk diri sendiri sahaja dalam tempoh kontrak (ketibaan lapor diri kali pertama dan selepas melengkapkan tempoh kontrak berkenaan) bagi calon bukan warganegara sahaja; dan
- (vii) Boleh menghadiri seminar/konferensi/kursus yang diadakan di dalam negara/luar negara menggunakan peruntukan projek penyelidikan atau peruntukan Pusat Tanggunjawab tertakluk kepada kelulusan Penyelia/Ketua Projek dan Dekan/Pengarah, mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

Catatan : Penyelidik Pasca Doktoral yang dilantik ‘tanpa biaya’ tidak layak mendapat kemudahan Perkara (iii) - (vi)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Laman Web: <http://research.ukm.my>


2. Pekeliling ini digunakan kepada semua Penyelidik Pasca Doktoral yang telah dilantik dan yang akan dilantik, berkuat kuasa **29 April 2016**. Untuk tujuan kelancaran pelaksanaan pekeliling ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. boleh merujuk kaedah pelaksanaan yang dilampirkan.

3. Sehubungan ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. dimohon untuk memaklumkan pekeliling ini kepada pengurusan dan penyelidik di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi pegawai CRIM, Puan Syafura Binti Abdul Halim di talian 03-89214679 atau Puan Farah Wahida Binti Yahya di talian 03-89213250.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI MOHD. ZAIN
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi

s.k.

- YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar
(Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi))
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran UKM
- Pengarah Eksekutif Kewangan UKM
- Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti (Pusat Kesihatan)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Putus Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Laman Web: <http://research.ukm.my>

LAMPIRAN

NO	KEMUDAHAN	KAEDAH PELAKSANAAN
1	Cuti rehat selama 25 hari setahun.	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan cuti adalah di bawah pentadbir cuti Pusat Tanggungjawab masing-masing. Cuti perlulah diambil dalam tahun ianya terkumpul dan cuti tersebut perlu diambil sebelum tarikh tamat kontrak.
2	Cuti sakit tidak melebihi 15 hari setahun.	<ul style="list-style-type: none"> Bukti sijil sakit direkodkan oleh pentadbir cuti Pusat Tanggungjawab masing-masing.
3	Kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di : <ul style="list-style-type: none"> - Pusat Kesihatan Universiti bagi kakitangan Kampus Bangi, Kampus Cheras dan Kuala Lumpur; dan - Klinik Warga Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM bagi kakitangan Kampus Cheras dan Kuala Lumpur; 	<ul style="list-style-type: none"> Surat jaminan dan akuan kepada Klinik Warga HCTM, PPUKM akan dikeluarkan oleh Pegawai Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi.
4	Pembayaran perubatan (rawatan pesakit luar) untuk diri sendiri sahaja di mana-mana klinik secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM600.00 setahun;	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran ini termasuk bayaran pemeriksaan kesihatan semasa melapor diri dengan kadar yang ditanggung maksimum RM60.00. Pembayaran perubatan (rawatan pesakit luar, tidak termasuk rawatan pergigian) dengan kadar yang ditanggung maksimum RM45.00 bagi satu resit. Tuntutan bayaran balik dihantar kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi bersama Borang Tuntutan Bayaran Rawatan Perubatan Penyelidik Pasca Doktoral dan disertakan dengan resit asal yang disahkan oleh Penyelia.
5	Pembayaran Visa/Pas Pengajian secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM360.00 (setiap tempoh lantikan);	<ul style="list-style-type: none"> Tuntutan bayaran balik dihantar kepada Bahagian Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari dengan menyertakan resit asal yang telah disahkan oleh Pusat Hubungan Antarangsa (UKM Global).

NO	KEMUDAHAN	KAEDAH PELAKSANAAN
6	Tambang tiket kapal terbang kelas ekonomi pergi-balik untuk diri sendiri sahaja dalam tempoh kontrak (ketibaan lapor diri kali pertama dan selepas melengkapkan tempoh kontrak berkenaan) bagi calon bukan warganegara sahaja; dan	<ul style="list-style-type: none"> • Kelayakan ini hanya diberikan untuk tiket ketibaan semasa lapor diri kali pertama dan selepas melengkapkan tempoh kontrak sahaja (maksimum tempoh kontrak ialah 3 tahun sahaja). • Tuntutan bayaran balik dihantar kepada Bahagian Governans dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar dengan menyertakan : <ul style="list-style-type: none"> (i) tiket penerbangan ke Malaysia, <i>boarding pass</i> dan bukti pembelian tiket yang disahkan oleh penyelia (bagi perjalanan dari negara asal ke Malaysia); dan (ii) tiket penerbangan dari Malaysia ke negara asal dan bukti pembelian tiket yang disahkan oleh penyelia dengan syarat kakitangan menamatkan tempoh kontrak.
7	Boleh menghadiri seminar/konferensi/kursus yang diadakan di dalam negara/luar negara menggunakan peruntukan projek penyelidikan atau peruntukan Pusat Tanggungjawab tertakluk kepada kelulusan Penyelia/Ketua Projek dan Dekan/Pengarah, mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan yang menggunakan peruntukan projek adalah tertakluk kepada peraturan pembiayaan dana. • Pembiayaan yang menggunakan peruntukan Pusat Tanggungjawab adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan/Pengarah.

Catatan : Semua tuntutan tidak melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh resit sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan.